

KEGAGALAN MELAKSANAKAN PEMERINTAHAN ISLAM PUNCA KEHILANGAN KUASA ISLAM DI ANDALUS

Suhaila Binti Sharil¹
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Sejarah telah mencatatkan bahawa kerajaan Islam di Andalus pernah wujud dan mencapai kegemilangannya selama 8 abad lamanya (710M-1492M). Walau bagaimanapun, di penghujung era khilafah Islamiyyah (976M-1031M) telah berlaku suasana politik yang kucar-kacir sehingga membawa kejatuhan kerajaan khilafah Islamiyyah. Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang pemerintahan Islam di Andalus, menganalisis faktor kejatuhan kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus merangkumi tiga era khalifah Banu Umayyah iaitu di era 'Abd al-Rahman b. Muhammad (Khalifah al-Nasir), Al-Hakam b. 'Abd al-Rahman (Khalifah al-Mustansir) dan era Hisham b. al-Hakam yang turut dibantu oleh al-hajib (Perdana Menteri). Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dan hasil kajian mendapati bahawa tiga era pemerintahan khalifah ini mengalami kemerosotan dan akhirnya membawa perpecahan yang menyumbang kepada kejatuhan kerajaan besar khilafah Islamiyyah di Andalus disebabkan kegagalan dalam melaksanakan pemerintahan Islam.

1.0 PENDAHULUAN

Era kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus ini telah diisytihar secara rasmi apabila 'Abd al-Rahman III (amir ke-8) yang berketurunan Banu Umayyah mengisytihar dirinya sebagai Khalifah pada tahun 929M. Bermula dari detik itu beliau dikenali sebagai Amir al-Mu'minin (*Khalifah al-Nasir li Din Allah*). Pemerintahan kerajaan ini berpusat di Cordova. Khalifah 'Abd al-Rahman III telah berjaya menyatukan kembali perpecahan dalaman, mengembalikan jajahan Islam yang hilang dan menggerunkan musuh untuk melanggar bumi Islam Andalus. Tidak dapat dinafikan bahawa musuh utama kerajaan khilafah Islamiyyah ini iaitu kerajaan Kristian sentiasa mengintai peluang untuk menguasai kembali jajahan Islam tetapi disebabkan kebijaksanaan pemerintahan khalifah Islam maka hajat mereka tidak berjaya. Sepanjang pemerintahan kerajaan ini, terdapat 12 orang khalifah yang memerintah Andalus (929M-1031M). Berikut merupakan senarai Khalifah Banu Umayyah yang merupakan khalifah Islamiyyah di Andalus :

- 1) 'Abd al-Rahman III b. Muhammad
- 2) Al-Hakam II b. 'Abd al-Rahman III
- 3) Hisham II b. al-Hakam II
 - Hajib Muhammad b. 'Amir
 - Hajib 'Abd al-Malik
 - Hajib 'Abd al-Rahman

¹Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-2 pada 26 & 27 April 2017 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

- 4) Muhammad II b. Hisham
- 5) Sulayman b. al-Hakam b. Sulayman b. ‘Abd al-Rahman III
- 6) Muhammad II (kali kedua)
- 7) Hisham II (kali kedua)
- 8) Sulayman (kali kedua)
- 9) ‘Abd al-Rahman IV b. Muhammad b. ‘Abd al-Malik b. ‘Abd al-Rahman III
- 10) ‘Abd al-Rahman V b. Hisham
- 11) Muhammad III b. ‘Abd al-Rahman b. ‘Ubayd Allah b. ‘Abd al-Rahman III
- 12) Hisham III b. Muhammad b. ‘Abd al-Malik b. ‘Abd al-Rahman III

2.0 PEMERINTAHAN ISLAM DI ANDALUS (912-1031M)

Kajian ini akan membincangkan mengenai pemerintahan Islam di Andalus yang dibahagikan kepada tiga era sahaja iaitu era ‘Abd al-Rahman b. Muhammad (Khalifah al-Nasir), Al-Hakam b. ‘Abd al-Rahman (Khalifah al-Mustansir) dan era Hisham b. al-Hakam.

2.1 DASAR PEMERINTAHAN ISLAM ERA KHALIFAH ‘ABD AL-RAHMAN III (912-961M)

Pemerintahan Berkhalifah

Secara asasnya kerajaan khilafah Islamiyyah yang memerintah Andalus (929M-1031M) telah melaksanakan pemerintahan berteraskan Islam. Ini dibuktikan apabila khalifah pertama iaitu Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah mengisytiharkan dirinya secara rasmi sebagai Khalifah. Konsep khilafah merupakan keutamaan pemerintahan dan kepimpinan yang diperkenalkan Islam (Ibnu Khaldun et al. 2004). Konsep ini berjaya menekankan aspek kehambaan dalam kalangan pemerintah Islam kerana mereka sedar sebagai khalifah mereka mempunyai pemimpin yang Maha Agung iaitu Allah SWT. Dari rasa rendah diri kepada Allah SWT inilah, maka lahirnya khalifah-khalifah yang beriman, tawaduk, zuhud, bertakwa dan beramal soleh kepada Islam dan rakyat jelata, contohnya seperti khalifah ‘Abd al-Rahman III dan khalifah Al-Hakam II. Menurut Ibnu Taymiyyah di dalam kitabnya *Al-Siyasah al-Shar’iyyah fi Islah al-Ra’iwa al-Ra’iyyah* ada memetik kata-kata Sayyidina Umar bin al-Khattab tentang jawatan khalifah atau pemimpin iaitu

“Ingatlah, aku tidak melantik kalian agar menjadi penguasa kuku besi ke atas rakyat. Aku mengutus kalian sebagai pemimpin agar rakyat dapat mencontohi kalian. Berikanlah kepada mereka segala hak mereka...”

(Ibnu Taymiyyah et al. 1988)

Meletakkan Ulama Di Tempat Yang Terhormat

Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah memulakan dasar pemerintahan Islam yang baik iaitu menghormati ulama. Ini kerana ulama merupakan golongan alim yang sentiasa memberi pandangan dan nasihat-nasihat yang bernas kepada pemerintah. Menurut (Muhammad Abdullah Inan 1988) berlaku peristiwa yang membuktikan Khalifah ‘Abd al-Rahman III sangat menghormati ulama.

Pernah satu hari, ketika Khalifah ‘Abd al-Rahman III pergi ke masjid untuk mendirikan solat Jumaat, Imam al-Munzir bin Saad yang merupakan ulama Cordova yang disegani dan terkenal dengan sifat tegasnya, telah menegur Khalifah ‘Abd al-Rahman III dengan lantang di dalam khutbahnya kerana khalifah telah membina istana besar yang terlalu mewah. Apabila Khalifah ‘Abd al-Rahman III selesai mendirikan solat Jumaat dia berkata kepada menterianya:

“Aku tahu al-Munzir menunjukan tegurannya kepadaku, tiada orang lain lagi yang dimaksudkan oleh beliau, terlalu keras tegurannya dan terlalu pedas kata-katanya”. Disebabkan kata-kata Khalifah ‘Abd al-Rahman III ini, terdapat cadangan daripada pengiringnya yang cuba mengambil hati beliau dengan mencadangkan agar jangan diizinkan lagi Imam al-Munzir menyampaikan khutbah di mimbar masjid Cordova. Namun Khalifah ‘Abd al-Rahman III menolak cadangan itu dengan berkata :

“Adakah orang yang alim dan baik seperti al-Munzir dihalang dari member khutbah? Oh! tidak sama sekali, ianya tidak akan terjadi, aku malu di hadapan Allah kerana tidak menjadikandia sebagai pembawa syafaat antara aku dan Allah di dalam solat, sedangkan dia seorang yang warak dan benar”. Khalifah ‘Abd al-Rahman III seterusnya membiarkan al-Munzir menyandang jawatannya hingga ke akhir hayatnya.

Menghormati ulama sudah menjadi dasar utama kepada kerajaan Islam di Andalus. Menurut (Callaghan 1975), semasa abad pemerintahan khalifah, Cordova menjadi saingan sebenar kepada Baghdad sebagai pusat kebudayaan dunia Islam. Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan al-Hakam II adalah dua ilmuwan yang menyambut mesra sarjana dari Eropah, Afrika dan Asia. Khalifah ‘Abd al-Rahman III bertindak sebagai penaung aktiviti kesusasteraan dan sains. Istana khalifah pada masa itu dihadiri oleh para penyajak dan ahli falsafah. Sebanyak 1-3% daripada hasil tahunan negara diperuntukkan untuk perkembangan ilmu ini. Antara tokoh ilmuwan terkenal pada masa itu ialah Ibnu Masarrah (ahli falsafah), Ibnu al-Ahmar (ahli sejarah), Ahmad ibn Nasr dan Maslamah ibn al-Qasim (ahli astronomi), Arib ibn Said dan Yahya ibn Ishaq telah muncul di zaman pemerintahan beliau (Khan Bahadur Ahsanullah 1931).

Khalifah ‘Abd al-Rahman III juga telah meneruskan usaha penterjemahan yang dimulakan oleh ‘Abd al-Rahman II. Ramai sarjana yang berbakat di Andalus dan Timur berkumpul di istana beliau dan mereka ini diberi ganjaran yang lumayan. Sebagai contoh, khalifah bermurah hati memberi kurniaan kepada para sarjana Yunani dan Yahudi seperti Nicholas dan Hasdai. Pada zaman beliau, hasil karya Yunani telah diterjemah ke dalam bahasa Arab dan ada juga beberapa karya asal dalam bahasa Arab meliputi pelbagai bidang ilmu pengetahuan (Chejne 1974)

Menyatukan Kembali Bumi Islam Di Andalus

Sebelum Khalifah ‘Abd al-Rahman III memerintah Andalus, daerah yang berada di bawah penguasaan kerajaan Islam hanyalah di Cordova sahaja. Daerah ini hanya diwakili tidak lebih satu persepuluh dari keluasan bumi Andalus. Maka Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah melancarkan misi untuk menyatukan kembali bumi Islam di Andalus. Beliau memulakan misi ini dengan menguasai wilayah yang terletak di selatan Andalus yang dikuasai oleh Umar bin Hafsun iaitu seorang pemberontak yang telah murtad. Serangan itu

dilancarkan selepas dua bulan daripada tarikh Khalifah 'Abd al-Rahman III ditabalkan. Dalam serangan pertama itu, Bandar Ecija dapat dikuasai kembali oleh kerajaan Islam Andalus. Seterusnya Khalifah 'Abd al-Rahman III meneliti setiap perkembangan dan memantau lokasi strategik, maka didapatinya serangan ke atas Sevilla perlu disegerakan kerana di situ dikuasai oleh pemberontak yang diketuai oleh Ibnu Hajjaj yang sentiasa menyalurkan bantuan kepada Umar bin Hafsun selain bantuan dari pihak Kristian yang mencurahkan. Di samping itu, Sevilla merupakan bandar terbesar selepas Cordova dan kubu kuat pemberontak maka dengan serangan yang dilakukan pada 913M telah membuah hasil iaitu dengan izin Allah SWT bandar itu kembali dikuasai kerajaan Islam.

Kemudian, beliau meneruskan misi ke Gibraltar dan hasilnya beliau berjaya memutuskan bekalan bantuan yang dihantar melalui jalan laut oleh kerajaan Kristian Sepanyol di utara kepada pemberontak kerajaan Islam Andalus seperti Umar bin Hafsun. Bekalan bantuan daripada kerajaan Syiah Fatimiyyah di Afrika kepada Umar bin Hafsun juga berjaya disekat. Khalifah 'Abd al-Rahman III juga meneruskan misi dengan menguasai daerah-daerah lain terutama sempadan daerah di sebelah utara yang diancam kerajaan Perancis dan kerajaan Kristian Sepanyol (al-Makarri et al. 1968).

Mengadakan Perjanjian Damai Dengan Pihak Musuh

Perjanjian damai berjaya dimeterai antara Khalifah 'Abd al-Rahman III dengan Umar bin Hafsun setelah pemberontak itu terkepung daripada menerima bantuan dan gentar untuk melawan kemaraan tentera Khalifah 'Abd al-Rahman III. Menurut perjanjian itu, Umar bin Hafsun bersetuju menyerahkan 163 kubunya kepada Khalifah 'Abd al-Rahman III dan ia merupakan kemenangan terbesar khalifah itu. Peristiwa ini telah membuktikan bahawa Khalifah 'Abd al-Rahman III lebih memilih perdamaian daripada pertumpahan darah dan sekaligus berjaya menyatukan kembali daerah Islam di Andalus. Perjanjian damai juga dimeterai antara Khalifah 'Abd al-Rahman III dengan kerajaan Kristian Leon, Aragon dan Navarre sehinggakan mereka bersetuju membayar jizyah sebagai tanda tunduk kepada kerajaan khilafah Islamiyyah (al-Samra'i et al. 2000)

Kehidupan Peribadi Khalifah Yang Zuhud

Khalifah 'Abd al-Rahman III telah menunjukkan contoh sebagai khalifah yang zuhud dengan menyumbang seluruh kepentingan peribadinya dalam peperangan. Perkara ini dapat dilihat melalui siri-siri serangan yang dilakukan kepada musuh Islam semata-mata untuk menyatukan kembali daerah Islam yang berpecah sebelumnya. Khalifah 'Abd al-Rahman III telah berjuang selama 16 tahun untuk meletakkan Andalus di bawah satu pentadbiran. Semua pemberontakan dalaman dapat ditundukkan dan gangguan di wilayah persempadanan dapat dihentikan. Hasilnya kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus kembali utuh (Imamuddin 1961)

Membina Pembangunan Dan Kemajuan

Kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus tidak mengabaikan pembangunan dan kemajuan kepada rakyatnya. Buktinya Khalifah 'Abd al-Rahman III telah memberi penekanan terhadap seni bina dengan menubuhkan Bandar al-Zahra yang terletak di Barat Laut Cordova. Tujuan bandar ini dibina ialah untuk menyambut ketibaan tetamu negara kerana pada masa itu kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus mendapat perhatian seluruh dunia disebabkan kemakmuran dan kekuatan negaranya. Bandar al-Zahra menjadi tarikan

pemimpin seluruh dunia kerana seni bina bangunannya dibawa dari Constantinople, Baghdad, Tunisia dan juga sekitar wilayah Eropah. Di bandar ini terletak istana khalifah, kediaman para pembesar negara dan tempat tinggal para pekerjanya. Hasilnya, Cordova menjadi sebuah kota besar yang digelar *Permata Dunia* di zaman pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III (Callaghan 1975)

Menjana Kemajuan Ekonomi

Kemajuan ekonomi di zaman Khalifah ‘Abd al-Rahman III amat baik sekali. Simpanan negara pada masa itu mencecah 6 juta dinar emas. Baginda membahagikan perbelanjaan kepada tiga bahagian:

- Pertama : peruntukan untuk ketenteraan.
- Kedua : peruntukan untuk tujuan pembinaan serta infrastruktur.
- Ketiga : merupakan wang simpanan di dalam perbendaharaan negara.

Perkara ini sebenarnya telah dilakukan di zaman pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman ad-Dakhil dan diulang semula perlaksanaannya oleh Khalifah ‘Abd al-Rahman III. Antara sumber pendapatan negara ialah melalui perlombongan emas, perak dan tembaga di samping industri pembuatan kulit binatang, pembinaan kapal, ubat dan alat pertanian. Malah terdapat pasar-pasar khas yang membekalkan barangan tertentu seperti pasar bunga, pasar tembaga, pasar daging dan lain-lain (Imamuddin 1961)

Menjamin Keamanan Rakyat Jelata

Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah membahagikan pasukan polis kepada empat bahagian untuk mengawal keselamatan rakyat iaitu:

- Pertama : Unit Polis sebelah siang
- Kedua : Unit Polis sebelah malam
- Ketiga : Unit Polis bahagian laut
- Keempat : Unit Polis bahagian darat

Hasil usaha Khalifah ‘Abd al-Rahman III ini telah berjaya mengekang pemberontak dalaman dan musuh luar di sempadan. Usaha ini berjaya menundukkan musuh daripada mengancam penduduk di Andalus (An-Nubahi et al. 1948)

Mengemaskini Sistem Perkhidmatan

Khalifah ‘Abd al-Rahman III turut mengemaskini sistem perkhidmatan iaitu sistem pos yang tersebar dengan meluas ke seluruh pelusuk daerah di dalam pemerintahan kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus. Dengan adanya sistem pos ini, perhubungan di kalangan rakyat tidak terputus dan segala maklumat dan informasi dapat disampaikan dengan segera. (An-Nubahi et al. 1948)

Mengangkat Pembangunan Ilmu Pengetahuan

Bermula sejak zaman pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan seterusnya anaknya Khalifah al-Hakam II, pembangunan ilmu pengetahuan diberi penekanan. Buktinya terdapat 400,000 buah buku di bandar Cordova pada ketika pemerintah Khalifah ‘Abd al-Rahman III yang merupakan hasil tulisan tangan penulis buku dan menjadi satu industri utama di Cordova serta wilayah Islam yang lain. Bagi menyemarakkan bidang ilmu pengetahuan, pekerjaan jurutulis menjadi industri utama. Keperluan terhadap penulisan ketika itu mendapat permintaan yang begitu tinggi dan pada era itu juga telah wujud

pekerjaan dalam bidang penyelidikan iaitu penyelidik akan membuat kajian tentang sesuatu permasalahan yang timbul mengikut keperluan pelanggan mereka. Kaedah penyelidikan ini sama seperti kaedah penyelidikan R&D (penyelidikan dan pembangunan) yang dilaksanakan pada zaman sekarang. (Imamuddin 1961)

Khalifah ‘Abd al-Rahman III amat mementingkan aktiviti keilmuan dan kebajikan rakyatnya. Beliau telah membuka sekolah-sekolah baru di seluruh kawasan di bawah empayarnya dan membina rumah-rumah anak yatim di setiap bandar besar. Seramai 500 orang pelajar dari keseluruhan rumah anak yatim ini telah mendapat pendidikan percuma di zaman beliau. (Imamuddin 1961)

2.2 DASAR PEMERINTAHAN ISLAM ERA KHALIFAH AL-HAKAM II (961- 976M)

Selepas tamatnya pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III, beliau digantikan oleh anaknya iaitu Khalifah al-Hakam b. ‘Abd al-Rahman III yang lebih dikenali sebagai Khalifah al-Hakam II. Pemerintahan Khalifah al-Hakam II juga berkembang baik dan berjaya mengekalkan kecemerlangan pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III. Malah usaha Khalifah al-Hakam II lebih giat lagi dalam bidang ilmu pengetahuan sehingga beliau sendiri menjadi alim dan berpengetahuan luas sekaligus digelar *ulat buku*. Maka, Khalifah al-Hakam II telah menambah dasar-dasar pemerintahan baru yang lebih menumpukan aspek keilmuan dan pendidikan. Antara dasar-dasar baru yang dilaksanakannya:

Mengasaskan Perpustakaan Besar Iaitu Perpustakaan Umawi

Di perpustakaan milik Khalifah al-Hakam II terdapat lebih daripada 400 000 buah buku dan 44 buah katalog yang kebanyakannya sudah dibaca oleh beliau (Collins 1983). Khalifah al-Hakam II bukan setakat membaca, tetapi juga membuat beberapa catatan dan ditambah dengan bahan-bahan rujukan lain, contohnya beliau mencatat bibliografi pengarang karya-karya tersebut (Bhargava 1961). Dengan cara ini Khalifah al-Hakam II berjaya menambahkan ilmunya dan menurut Ibnu al-Abbar, khalifah begitu mahir dengan kandungan semua buku yang terdapat di perpustakaanannya (Imamuddin 1961)

Melantik Para Pekerja (Ejen) Khusus Bagi Mendapatkan Buku-Buku Terbaru Dari Seluruh Pelusuk Dunia

Keprihatinan Khalifah al-Hakam II terhadap ilmu pengetahuan membuatkan beliau turut menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyatnya dalam bidang itu. Beliau telah menghantar ejen-ejennya ke semua pusat perkembangan ilmu seperti di Kaherah, Baghdad, Damsyik dan Iskandariah. Ejen-ejen ini ditugaskan membeli atau menyalin buku-buku di sana tanpa mengira harga (Imamuddin 1961). Sebagai contoh, Khalifah al-Hakam II sanggup membeli naskhah pertama Kitab al-Aghani karya Abu-I-Faraj al-Isfahani (897-966M) dengan harga seribu dinar. Buat pertama kali, kitab al-Aghani yang mengandungi 20 jilid himpunan sajak dan lagu sejak kedatangan Islam itu disiarkan di Andalus sebelum tersiar di wilayah-wilayah Islam yang lain (Joesoef 1977)

Menyalin Buku-Buku Yang Dibeli Untuk Dibuat Salinan

Di istana Khalifah al-Hakam II dipenuhi oleh para penyalin, penjilid dan penghias buku untuk melaksanakan tugas khas yaitu menjaga buku-buku dan manuskrip yang terdapat di perpustakaanannya.(Imammuddin 1961). Selain itu, khalifah juga telah menubuhkan *scriptorium* (*sina'at al-naskh*) dan tempat menjilid buku di istananya (Chejne 1974)

Menjaga Kebajikan Para Sarjana Andalus, Sarjana Luar, Para Saintis dan Ahli Falsafah Tanpa Sebarang Perbezaan

Khalifah al-Hakam amat prihatin terhadap kebajikan para sarjana di Andalus tidak kira ia sarjana tempatan mahupun dari luar. Beliau amat menggalakkan perkembangan ilmu falsafah dan berusaha melindungi ahli falsafah daripada ancaman pembunuhan oleh fanatik agama yang pada masa itu menentang golongan ilmuan.Di samping itu, beliau telah menubuhkan satu biro penterjemahan untuk menterjemah karya Aristotle dan Euclid.Di zaman ini ilmu sains berkembang lebih maju berbanding hasil yang ditinggalkan oleh Yunani pada abad ke-7 sebelum itu.Seluruh sarjana dari Afrika, Asia dan Eropah boleh ditemui di Cordova pada zaman itu. (Imammuddin 1961)

Menubuhkan Pusat Pengajian Percuma Bagi Mereka Yang Kurang Berkemampuan

Khalifah al-Hakam seorang khalifah yang mengambil berat mengenai orang awam dan mereka yang kurang berkemampuan. Beliau membina dewan amal (*dar al-sadaqah*) berhampiran masjid, dan wang yang diperolehi daripada kutipan derma itu akan disumbangkan kepada golongan miskin. Beliau juga membina 27 buah sekolah awam dan pelajar-pelajar miskin diberikan pelajaran percuma di sini (Bhargava 1961). Sekolah-sekolah ini juga dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui kutipan cukai yang diperolehi daripada peniaga-peniaga yang berniaga di bazaar Cordova (Chejne 1974)

Mengasaskan Universiti Cordova

Di zaman Khalifah al-Hakam II, Universiti Cordova telah diperbesarkan dan dipertingkatkan peranannya sehingga muncul sebagai universiti terbaik dan terbesar di dunia.Universiti Cordova ini telah berupaya menandingi Universiti Al-Azhar di Kaherah dan Nizamiyah di Baghdad.Ia telah berjaya menarik ramai pelajar sama ada Kristian, Yahudi dan Islam, bukan sahaja dari Andalus tetapi juga dari negara-negara Eropah, Afrika dan Asia (Imammuddin 1961)

Menghormati Ulama Dan Menyediakan Gaji Tetap Bagi Setiap Tenaga Pengajar Di Universiti Cordova

Khalifah al-Hakam II sangat menghormati para ilmuan.Oleh itu, golongan ini telah diberi kerjaya tetap di Universiti Cordova dan dibayar gaji yang lumayan secara tetap kepada mereka (Bhargava 1961).Beliau juga memberi bantuan dan galakan kepada sarjana-sarjana terkenal dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kesarjanaan mereka seperti Ibnu Abdul Rabbahi, al-Qali, al-Zubaydi dan Ibnu Qutiyah (Azam Hamzah 1999).Khalifah juga turut berguru dengan sarjana-sarjana yang mahir dalam pelbagai cabang ilmu seperti Qasim ibn Asbagh, Ahmad ibn Dahim, Muhammad ibn 'Abd al-Salam al-Khushani Zakariya ibn al-Khattab dan Thabit ibn Qasim(Joesoef 1977)

2.3 DASAR PEMERINTAHAN ISLAM ERA KHALIFAH HISYAM B. AL-HAKAM II (976-1031M)

Khalifah Hisyam bin al-Hakam telah ditabalkan oleh bapanya iaitu Khalifah al-Hakam II sebagai khalifah pada umur 11 tahun. Ini kerana bapanya telah ditimpa stroke dan lumpuh sebahagian badan. Sebagai seorang khalifah yang masih terlalu muda dan tiada pengalaman menyebabkan beliau dibantu oleh 3 orang pembantu iaitu Ja'afar b. 'Uthman al-Mushafi (*al-hajib*), Ibnu Abi 'Amir (*al-wazir*) dan Ghalib (*panglima perang*) bagi melancarkan urusan pentadbiran. Ibunya juga yang bernama Subh dibantu oleh Ibn abi 'Amirturut menjalankan urusan pentadbiran. Namun, di antara ketiga-tiga pembantu atau *hajib* itu, terdapat seorang *hajib* yang menaruh cita-cita untuk menjadi pemerintah tertinggi kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus iaitu Muhammad bin Abi Amir yang memakai gelaran *al-Mansur* sehingga lebih dikenali sebagai Hajib al-Mansur. (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Walau bagaimanapun terdapat banyak halangan untuk Hajib al-Mansur menjadi khalifah memandangkan pada masa itu masyarakat menganggap khalifah mestilah dari keturunan Banu Umayyiah. Hajib al-Mansur tidak terburu-buru untuk menguasai kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus tetapi beliau secara berhati-hati mengambil alih tampuk pemerintahan dari Khalifah Hisyam b. al-Hakam II. Hajib al-Mansur akhirnya berjaya menguasai kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus selepas menghilangkan pengaruh dua orang lagi *hajib* yang lain ke atas Khalifah Hisyam b. al-Hakam II. Sepanjang pemerintahan Hajib al-Mansur, beliau tidak menggulingkan Khalifah Hisyam b. al-Hakam II sebaliknya meneruskan dasar pemerintahan Islam yang dibawa oleh khalifah sebelumnya iaitu Khalifah al-Hakam II dan bapanya Khalifah 'Abd al-Rahman III. Beliau juga dikenali sebagai *hajib* yang warak, pandai berpolitik, pemurah dan tangkas di medan jihad (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Antara dasar pemerintahan baru yang dilaksanakan oleh Hajib al-Mansur, menurut al-Sayyid Abdul Aziz Salem (1963) di dalam kitabnya *at-Tarikh al-Muslimin wa Asaruhum fi Andalus* ialah :

Melaksanakan Pemerintahan Adil Dan Dikagumi Rakyat Jelata

Hajib al-Mansur masih lagi meneruskan pelaksanaan pemerintahan yang adil dan berteraskan Islam. Oleh itu, rakyat dapat menerima sistem pemerintahannya walaupun pada waktu itu kuasa khalifah sudah berkurangan dalam buat keputusan dalam negara.

Memanggil Ketua Tentera Andalus Di Afrika Utara (Maghribi) Untuk Bekerjasama Dengannya

Kepimpinan Hajib al-Mansur yang didokong oleh keluarga Amiriah sebenarnya menjalin hubungan yang rapat dengan golongan Barbar di Afrika Utara. Justeru, bagi melancarkan lagi sistem pemerintahan, beliau telah menjemput ketua tentera Andalus (*ghalib*) dari Afrika Utara (Maghribi) untuk datang ke Andalus dan bekerjasama dengannya. Selain itu, beliau menegah sesiapa pun menemui Khalifah Hisyam b. al-Hakam II dan khalifah juga dihalang keluar ke khalayak masyarakat melainkan diiringi oleh askar yang ramai. Dasar yang diperkenalkan oleh Hajib al-Mansur ini agak tegas dan sewajarnya tidak dilakukan oleh mana-mana pemerintah Islam. Beliau melaksanakan dasar ini untuk mengurangkan pengaruh Khalifah Hisyam kepada rakyat jelata. Secara tidak langsung meletakkan beliau sebagai pemimpin utama di Andalus pada waktu itu.

Membina Bandar Pentadbiran Baru Iaitu Bandar Al-Zahirah Yang Menandingi Kehebatan Bandar Al-Zahra

Mengembangkan dan memajukan negara merupakan antara tugas utama pemerintah Islam termasuk Hajib al-Mansur. Di zaman Khalifah Hisyam, Hajib al-Mansur telah berjaya membuka pusat pentadbiran baru iaitu di Bandar al-Zahirah, dan kehebatannya berjaya menandingi kehebatan Bandar al-Zahra yang merupakan pusat pentadbiran sebelum itu. Selain itu, beliau juga mengisytiharkan gelaran al-Mansur dan mengarahkan namanya disebut dalam doa khutbah Jumaat. Nama beliau juga diminta untuk ditulis pada matawang Andalus. Dasar ini tidak dilaksanakan oleh mana-mana khalifah sebelum itu. Ia merupakan satu dasar baru untuk meluaskan lagi pengaruh Hajib al-Mansur di Andalus.

Melantik Anaknya Iaitu ‘Abd Malik B. Al-Mansur Sebagai Hajib

Dasar ini tidak pernah berlaku sebelum ini iaitu mewariskan jawatan *al-hajib* (perdana menteri) kepada keturunan selepasnya. Walau bagaimanapun Hajib al-Mansur telah melaksanakan dasar ini dan akhirnya dasar ini telah membawa kejatuhan kepada kerajaan Islam di zaman Khalifah Hisyam kerana cucunya iaitu anak kepada ‘Abd Malik b. al-Mansur yang bernama ‘Abd al-Rahman b. ‘Abd Malik yang dilantik sebagai hajib tidak disukai oleh rakyat.

Melalui kajian ini, pengkaji menganalisa mengenai pemerintahan Islam di Andalus melalui tiga era pemerintahan khalifah tersebut bahawa dasar pemerintahan Islam yang diterapkan oleh Khalifah ‘Abd al-Rahman III berjaya menjadikan dasar itu sebagai asas dan contoh kepada pemerintahan khalifah selepasnya. Ini kerana dasar pemerintahan Islam yang dilaksanakan beliau dapat diterima umum sekaligus membina kemaslahatan rakyat keseluruhannya. Kewibawaan beliau amat disegani kawan dan lawan. Kerajaan Eropah berlumba-lumba membuat lawatan dan perjanjian dengan kerajaan khilafah Islamiyyah Andalus. Antara hadiah yang terbesar adalah sebuah batu permata besar yang dihadiahkan kepada Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan ia diletakkan di tengah-tengah ruang istana al-Zahra. Negara-negara Eropah juga berlumba-lumba menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan khilafah Islamiyyah Andalus dengan menghantar perutusan diplomatik, contohnya dari kerajaan Jerman, Itali, Perancis, England bahkan kerajaan Byzantine di timur laut Eropah. Khalifah ‘Abd al-Rahman III menerima begitu banyak perutusan diplomatik dan wakil pendidikan antaranya perutusan dari raja Inggeris yang memohon beliau membenarkan 4 orang rakyat England belajar di perpustakaan Cordova. Di akhir perutusan itu tertulis kata-kata : “*Dari pembantumu yang sentiasa mentaati, Raja England*”. Daripada kejayaan Khalifah ‘Abd al-Rahman III melaksanakan dasar pemerintahan Islam ini menjadikan beliau pemimpin ulung yang pernah memerintah Andalus sehingga jasanya dikenang oleh pemimpin Kristian selepasnya, contohnya pada tahun 1961M kerajaan Sepanyol moden telah menyambut ulangtahun ke 1000 kemangkatan beliau.

Khalifah al-Hakam II pula lebih menumpukan bidang ilmu pengetahuan, oleh kerana itu musuh Islam iaitu kerajaan Perancis dan kerajaan Kristian Sepanyol merasakan beliau tidak lagi berminat pada tugas jihad dan kawalan keselamatan kerana terlalu seronok dengan kemewahan dan kajian ilmiah. Kerajaan Perancis dan kerajaan Kristian Sepanyol bercadang untuk menguasai wilayah utara kerajaan khilafah Islamiyyah Andalus dan hasilnya kerajaan Perancis telah menggerakkan tenteranya sehingga berjaya menawan beberapa bandar di utara Andalus. Peristiwa ini benar-benar mengejutkan Khalifah al-

Hakam II dan beliau segera menghantar bala tenteranya untuk memerangi musuh dan berlakulah beberapa siri peperangan dan kesemuanya berpihak kepada tentera Islam. Setelah menyedari kekuatan kerajaan khilafah Islamiyyah, maka puak musuh bersetuju membayar jizyah sebagai tanda tunduk pada naungan kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963).

Di era pemerintahan Khalifah Hisyam b. al-Hakam II dapatlah disimpulkan bahawa kuasa khalifah telah berjaya dilemahkan oleh hajib yang merupakan penasihat utama khalifah. Ini berpunca daripada kelemahan bapa Khalifah Hisyam sendiri iaitu Khalifah al-Hakam II yang telah awal-awal lagi menabalkan Khalifah Hisyam yang terlalu muda di usia 12 tahun menjadi khalifah. Secara tidak langsung membuka peluang kepada hajib untuk mengambil alih sepenuhnya kuasa khalifah. Walau bagaimanapun Hajib al-Mansur dan anaknya Hajib al-Malik al-Mansur tetap meneruskan dasar pemerintahan Islam sebagaimana yang diterapkan oleh khalifah-khalifah terdahulu. Malah Hajib al-Malik al-Mansur merupakan seorang yang warak, cintakan jihad dan mendapat syahid dalam misi jihad beliau. Disebabkan pemerintahan yang adil telah dilaksanakan oleh kedua-dua hajib itu, maka Khalifah Hisyam b. al-Hakam II tidak meminta dikembalikan kuasanya semula sebagai khalifah walaupun usianya sudah mencapai umur matang. Namun, hajib ketiga yang dilantik menggantikan Hajib al-Malik al-Mansur yang mati syahid, iaitu saudaranya Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur tidak menyamai sikap bapa dan abang beliau. Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur suka menghabiskan masa dengan berfoya-foya bersama perempuan dan muzik serta pemerintahannya yang tidak berhikmah (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

3.0 KEJATUHAN KERAJAAN KHILAFAH ISLAMIYYAH DI ANDALUS

Menurut (Ibnu Khaldun 2004) di dalam kitabnya *al-Muqaddimah* menyatakan bahawa setiap kerajaan yang memerintah mempunyai zaman permulaan, zaman kegemilangan dan seterusnya zaman kejatuhan. Justeru, kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus juga tidak terkecuali kerana hakikatnya tiada suatu pun yang kekal di muka bumi ini melainkan Allah SWT. Justeru pemerintahan pada era Khalifah 'Abd al-Rahman III dan Khalifah al-Hakam II merupakan zaman permulaan dan kegemilangan kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus sebaliknya zaman berlakunya perpecahan sehingga membawa kejatuhan kerajaan khilafah Islamiyyah ini berlaku pada era pemerintahan Khalifah Hisyam b. al-Hakam II (Abdul Wahid Dhannun Taha 2004)

3.1 FAKTOR DALAMAN

Khalifah Sebagai Boneka Hajib (Penasihat Utama Khalifah).

Berdasarkan (Abdul Wahid Dhannun Taha 2004) di dalam kitabnya *Dirasat Fi Hadarah al-Andalus* telah mencatatkan bahawa Hajib 'Abd Rahman al-Mansur yang merupakan penasihat utama ketiga untuk Khalifah Hisyam b. al-Hakam II telah berjaya mempengaruhi Khalifah Hisyam untuk menamakan beliau sebagai pengganti khalifah dan ini membangkitkan kemarahan rakyat kerana rata-rata rakyat masih menganggap jawatan khalifah mesti diwarisi dari keturunan Banu Umaiyah. Hasil daripada tindakan Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur ini maka sekumpulan rakyat telah pergi ke istana Khalifah Hisyam b. al-Hakam II untuk melucutkan jawatan khalifah daripada beliau. Peristiwa ini berlaku ketika ketiadaan Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur yang keluar berjihad namun selepas Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur pulang dari berjihad, beliau telah diperdayakan dan dibunuh. Dengan ini, berakhirilah kekuasaan Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur dan

Khalifah Hisyam b. al-Hakam II dalam kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus (Abdul Wahid Dhannun Taha 2004)

Perebutan Kuasa Sebagai Khalifah Dalam Kalangan Ahli Keluarga

Setelah Khalifah Hisyam b. al-Hakam II dilucutkan dari jawatan khalifah, masyarakat semakin kucar-kacir dan suasana politik tidak stabil. Ketika itu rakyat Andalus menabalkan Muhammad b. Hisyam bin Abdul Jabbar bin ‘Abd al-Rahman III sebagai khalifah. Beliau diberi gelaran *al-Mahdi*. Kemudian timbul rasa tidak puashati di kalangan orang Barbar dan keluarga Amiriahatas pemerintahan Khalifah al-Mahdi yang zalim, maka rakyat keluar beramai-ramai menuju ke utara Andalus untuk bertemu dengan Sulayman b. al-Hakam bin ‘Abd al-Rahman III untuk ditabalkan sebagaikhalifah. Orang Barbar mengisytiharkan ketaatan kepada Sulayman dan menggelarkannya sebagai Khalifah *Mukminin*.Sebaik sahaja Sulayman b. al-Hakam II menjadi khalifah beliau masih meneruskan pertempuran dengan Khalifah al-Mahdi untuk menguatkan pengaruh dan kekuasaan masing-masing di Andalus. (Abdul Wahid Dhannun Taha 2004)

Pemberontakan Masyarakat

Keluarga Amiriah yang sebelum ini menguasai kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus melalui jawatan hajib di zaman Khalifah Hisyam b. al-Hakam II, telah dizalimi oleh Khalifah al-Mahdi sebaik mendapat kuasa pemerintahan. Beliau menangkap ahli keluarga Amiriah dan membunuh mereka. Beliau juga menangkap kabilah-kabilah Barbar yang menjalin hubungan baik dengan keluarga Amiriah sejak pemerintah *al-Mansurlagi*. Hasilnya timbul kebencian di dalam hati ahli keluarga amiriah dan orang Barbar kerana pada awalnya mereka melantik Khalifah al-Mahdi adalah untuk menyatukan ummah dan mengembalikan kekuatan negara tetapi sebaliknya beliau telah menjadikan jawatan khalifah yang disandangnya untuk membalas dendam dan saling berbunuhan. Oleh sebab timbulnya rasa tidak puashati ini maka berlakulah pemberontakan dalam masyarakat secara berleluasa (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Khalifah Tidak Adil dan Zalim

Khalifah al-Mahdiyang dilantik selepas kejatuhan pemerintahan al-Hajib dilihat cenderung melakukan kezaliman kepada rakyat khususnya keluarga Amiriah dan orang-orang Barbar. Ini membuktikan bahawa beliau tidak berjaya membina pemerintahan yang adil di Andalus seterusnya menggalakkan pertempuran dan politik yang tidak stabil (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Peperangan Sesama Islam Untuk Mendapatkan Kuasa

Khalifah al-Mahdi dan bala tenteranya telah melancarkan serangan bertali arus ke atas bala tentera Khalifah Sulayman b. al-Hakam II untuk menguasai pemerintahan di Andalus. Begitu juga dengan keluarga Amiriah yang menabalkan ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abdullah yang berketurunan ‘Abd al-Rahman III telah menyerang Cordova yang dibawah pemerintahan Khalifah Ali bin Hamud yang ditabalkan oleh orang-orang Barbar. Hasilnya kedua-dua khalifah yang ditabalkan oleh kedua pihak yang bertelagah ini mati dalam peperangan tersebut(al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Perasaan taksub terhadap bangsa sendiri untuk dijadikan khalifah

Orang-orang Barbar yang pada awalnya tidak bercadang untuk menguasai kerajaan khilafah Islamiyyah Andalus telah mulai terfikir untuk melantik khalifah di kalangan

bangsa mereka sendiri. Oleh itu, mereka segera meminta pertolongan daripada orang-orang Barbar di Afrika Utara. Selain itu, tentera Khalifah Sulayman b. al-Hakam II juga kebanyakannya daripada tentera Barbar. Akhirnya mereka bertindak merampas kuasa dan melantik Ali Bin Hamud sebagai pemimpin di Cordova. Ali pula melantik saudaranya Al-Qasim sebagai pemerintah di Sevilla. Bermula peristiwa ini, pengaruh kekuasaan bangsa Barbar di wilayah Andalus semakin bertapak. Walau bagaimanapun, setelah Khalifah Ali bin Hamud mati dalam peperangan menentang Khalifah Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abdullah, kuasa pemerintahan di Cordova tetap dikuasai oleh orang Barbar apabila Khalifah Ali bin Hamud diganti oleh Al-Qasim yang sebelum ini menjadi wakil Khalifah Ali bin Hamud di Sevilla (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Kepimpinan Ulama Mengambil Alih Pemerintahan Tetapi Tidak Berjaya Mengawal Perpecahan Sehingga Muncul Kerajaan-Kerajaan Kecil Muluk al-Tawaif

Dalam keadaan suasana negara yang kucar-kacir itu, para ulama dan cendekiawan dari seluruh pelusuk bumi Andalus bersepakat untuk berkumpul dan bermesyuarat. Mereka akhirnya sepakat untuk melucutkan jawatan khalifah dari keluarga Banu Umayyah kerana tiada lagi di kalangan mereka itu orang yang layak menjadi khalifah. Mereka juga akhirnya bersetuju supaya kepimpinan negara diterajui oleh Majlis Syura. Majlis Syura sepakat melantik Abu Hazm Jahwar sebagai ketua. Abu Hazm Jahwar merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal kewarakannya dan ilmunya yang tinggi. Kepimpinannya berjalan selama 3 tahun sahaja. Semasa Majlis Syura memimpin kerajaan Islamiyyah di Andalus, tidak banyak yang mampu dilakukan oleh Abu Hazm Jahwar kerana mereka hanya dapat menguasai keadaan di sekitar Cordova sahaja dan bumi Andalus yang lain tidak dapat dikawal lagi. Ketika raja-raja di setiap suku telah menguasai pemerintahan di wilayah masing-masing sehingga mewujudkan kerajaan Muluk al-Tawaif (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

3.2 FAKTOR LUARAN

Kerjasama Dengan Musuh Islam Iaitu Kerajaan Kristian Untuk Mendapatkan Kuasa Pemerintahan

Ketika berlakunya perebutan kuasa di antara Khalifah al-Mahdi dengan Khalifah Sulayman b. al-Hakam II, telah berlaku kerjasama di antara Khalifah Sulayman b. al-Hakam II dengan kerajaan Kristian Castille untuk melawan bala tentera Khalifah al-Mahdi. Perkara sebegini pada awalnya tidak pernah berlaku kerana umat Islam sebelumnya tidak tergamak untuk meminta bantuan daripada musuh Islam untuk memusnahkan saudara seIslam. Namun nampaknya generasi baru tidak menilai itu semua dan tetap melakukan kerjasama ini. Bagi Khalifah al-Mahdi yang tewas di tangan tentera Khalifah Sulayman b. al-Hakam II yang dibantu oleh Kristian Castille dan golongan Barbar, beliau juga akhirnya turut mendapatkan bantuan daripada Kristian Barcelona. Ini juga sekaligus membuka ruang yang cukup luas kepada kerajaan Kristian Barcelona untuk melebarkan pengaruh mereka di bumi Andalus (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Ancaman Reconquista Daripada Pihak Kristian.

Melalui kajian ini, tidak dapat dinafikan bahawa pihak Kristian sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menguasai Andalus. Mereka telah melaksanakan gerakan reconquista yang dilakukan secara halus untuk memerangkap umat Islam di Andalus. Antara contoh kejayaan gerakan reconquista ini ialah pihak Kristian Barcelona telah meletakkan beberapa syarat ke atas Khalifah al-Mahdi sekiranya beliau mahu mendapatkan bantuan

daripada Kristian Barcelona seperti meminta agar diserahkan bandar Medianaceli kepada kekuasaan Kristian Barcelona. Syarat ini akhirnya dipersetujui oleh Khalifah al-Mahdi semata-mata untuk mendapatkan kuasa di Andalus(al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963)

Dasar mengambil semula tanah jajahan Kristian yang diambil oleh kerajaan Islam.

Dari awal penubuhan kerajaan Islam di Andalus, dasar perluasan wilayah jajahan Islam telah berkembang. Namun, kerajaan Kristian khususnya dari utara Andalus tidak pernah jemu untuk mengambil semula tanah-tanah jajahan itu yang sebelum ini adalah di bawah kekuasaan mereka (al-Sayyid Abdul Aziz Salem 1963).

Secara umumnya, kajian ini mendapati kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus yang bermula pada zaman Khalifah 'Abd al-Rahman III telah berjaya melaksanakan dasar-dasar pemerintahan Islam. Namun selepas tamatnya pemerintahan Khalifah Hisham b. al-Hakam II yang dilucutkan jawatan dan pembunuhan Hajib 'Abd al-Rahman al-Mansur, keadaan di Andalus mengalami kucar-kacir. Persengketaan dan peperangan tidak putus-putus berlaku. Masyarakat tidak dapat melihat pemerintah melaksanakan pemerintahan mengikut dasar Islam disebabkan mereka cuba mengukuhkan kekuasaan dengan bertempur antara satu sama lain. Pihak musuh iaitu kerajaan Kristian yang berada luar sentiasa menadahkan tangan untuk membantu sekaligus meminta habuan agar tanah-tanah jajahan Islam diserahkan kepada mereka sebagai bayaran atas bantuan yang diberikan. Disebabkan suasana politik yang tidak stabil dan pembunuhan berleluasa pada ketika itu, maka kajian ini menyimpulkan kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus akhirnya tidak berjaya mempertahankan kekuasaan khalifahannya kerana perasaan dan jiwa pemerintah di penghujung kejatuhannya telah dikuasai oleh hawa nafsu untuk mendapatkan kekuasaan sedangkan ada di kalangan mereka ini yang tidak layak memerintah. Justeru, kegagalan melaksanakan pemerintahan Islam bukanlah faktor utama kejatuhan kerajaan khilafah Islamiyyah Andalus tetapi faktor utama kejatuhannya ialah perebutan kuasa yang menghalalkan semua cara. Kerajaan Muluk al-Tawaif yang wujud selepas itu juga tetap meneruskan dasar pemerintahan Islam.

4.0 PENUTUP

Kejatuhan kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus sewajarnya menjadi pengajaran kepada seluruh umat Islam di dunia supaya menjaga dan menghargai pentadbiran dan pemerintahan Islam. Melalui kajian ini, terdapat banyak dasar-dasar Islam yang dilaksanakan oleh Khalifah 'Abd al-Rahman III sejajar dengan matlamat Islam untuk membina kemaslahatan ummah. Sepanjang pemerintahan beliau, kerajaan khilafah Islamiyyah di Andalus telah mencapai kegemilangan. Dasar pemerintahan Islam yang dilaksanakan oleh Khalifah 'Abd al-Rahman III seterusnya disambung oleh anaknya iaitu Al-Hakam b. 'Abd al-Rahman (Khalifah al-Mustansir bi Allah). Khalifah Al-Hakam juga berjaya seperti bapanya dan memerintah dari 961M-976M. Pada zamannya, Andalus telah mencapai kegemilangan ilmuyang sangat tinggi sehingga beliau terkenal sebagai khalifah yang alim dan berpengetahuan luas kerana cintakan ilmu dan para ulama. Beliau yang memegang tampuk pemerintahan setelah berumur 47 tahun dilihat amat matang dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah. Walau bagaimanapun, kelemahan Khalifah Al-Hakam ini ialah apabila beliau menabalkan anaknya yang sulung iaitu Hisham b. al-Hakam dalam usia yang muda sebagai khalifah bagi menggantikannya. Perkara ini adalah berpunca daripada penyakit stroke dan lumpuh sebahagian badan yang dialami oleh Khalifah Al-Hakam pada ketika itu. Bermula dari detik inilah kerajaan khilafah Islamiyyah

beransur-ansur lemah dan akhirnya berpecah. Namun, sebelum berlaku kejatuhan kerajaan khilafah Islamiyyah ini telah muncul pemerintahan al-hajib (Perdana Menteri) di zaman Khalifah Hisyam b. al-Hakam iaitu Hajib Muhammad b. ‘Amir, Hajib ‘Abd al-Malik dan Hajib ‘Abd al-Rahman. Di era Khalifah Hisyam b. al-Hakam ini didapati keadaan politik tidak stabil dan berlaku perebutan kuasa sehingga jawatan khalifah selepas itu kerap digulingkan dan akhirnya mengundang ancaman kuasa dari kerajaan Kristian di utara Andalus yang mengakibatkan kejatuhan kerajaan khalifah Islamiyyah pada 1031M.

5.0 RUJUKAN

- Al-Makarri, Syihabuddin Ahmad Bin Muhammad al-Talmasani.1968. *Nafku al-Jib*.Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Wahid Dhannun Taha. 2004. *Dirasat fi Hadarah al-Andalus*.Beirut : Dar al-Madar al-Islami.
- Bhargava, K.D. 1961. *A Survey of Islamic Culture & Institutions*.Allahabad: Kitab Mahal.
- Chejne, A.G. 1974. *Muslim Spain, Its History and Culture*.Minnesota: University of Minnesota.
- Collins, R.1983. *Early Medieval Spain, Unity in Diversity 400-1000*.London: The Macmillan Press.
- Enan, Muhammad Abdullah. 1960. *Dawlat al-Islam fi al-Andalus : al-asr al-awwal*.Kaherah:Muassasat al-Khanaji
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman. 2004. *.Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. Abd al-Salam. 1988. *Al-Siyasah al-Shar’iyyah fi Islah al-Ra’iwa al Ra’iyyah*.Dlm. Abu Ya’la al-Quwaysani (pnyt.)
- Imaduddin, S.M. 1961. *A Political History of Muslim Spain*.Dacca : Asiatic Society of Pakistan.
- Khan Bahadur Ahsanullah. 1931. *History of The Muslim World*. Calcutta:The Empire Book House.
- Salem, Sayyid Abdul Aziz. 1963. *Tarikh Muslimin wa Asaruhum fi Andalus*.Beirut : Dar al-Maaref Liban.
- an-Nubahi, Abu al-Hassan bin Abdullah bin Hasan.1948. *Tarikh Qudhah al-Andalus*.Beirut : Al-Maktab al-Tijari Li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa Tauzi.
- Azam Bin Hamzah. 1999.*Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus*.Selangor: Hizbi
- Dr.Roslan Mohd.Nor, Mohamad Zamri Mohamed Shapik. 2011. *Baldatun Tayyibah:Model Andalusia*.Selangor : Persatuan Ulama Malaysia.